

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (TRAGEDI KEBAKARAN PUSAT TAHFIZ DI KUALA LUMPUR)

TARIKH: 23 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 03

KOSMO! SABTU 23 SEPTEMBER 2017



Tragedi kebakaran pusat tahfiz di Kuala Lumpur

3

Bangunan baharu hanya boleh beroperasi awal tahun

KUALA LUMPUR - Bangunan pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang baharu di Jalan Keramat Hujung di sini yang dijadualkan akan beroperasi pada bulan Oktober terpaksa ditangguhkan hingga awal tahun depan.



MOHD. ZAHID

Pengetuannya, Mohd. Zahid Mahmood berkata, keputusan itu dilakukan selepas pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat melakukan pemeriksaan keselamatan di premis

berkenaan kelmarin dan menetapkan pihaknya perlu mematuhi beberapa penambahbaikan daripada aspek keselamatan. "Semalam (kelmarin) pihak bomba telah melakukan pemeriksaan dan mendapati pihak pengurusan perlu menambah baik beberapa peralatan seperti penyedut asap, loceng kecemasan dan menambah baik ciri keselamatan pada tangga besi.

"Kita menjangkakan masa yang perlu diambil untuk melakukan ubah suai tersebut adalah sekitar tiga hingga empat bulan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Mohd. Zahid, selain itu proses menukar status tanah daripada kediaman kepada institusi pembelajaran juga mengambil sedikit masa untuk diselesaikan.

Katanya, pihaknya juga kini sedang mencari premis baharu untuk dijadikan pusat pengajian sementara di sekitar kawasan Keramat.



BANGUNAN asal pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur yang sudah siap dinaik taraf hanya boleh digunakan awal tahun depan.